




Ilustrasi: AZLI KHAIRI ABDUL HAMID (AK)
Foto: KOLEKSI HOTEL DE ART

SENI MENAWAN HOTEL BAJET

Ketika rajin ke Shah Alam untuk pekena roti canai dengan secawan teh bersama rakan kerja lama, mata sering tertumpu kepada sebuah hotel yang terletak di deretan kedai. Hati tertanya-tanya adakah ia merupakan hotel bajet kerana ia kelihatan cukup unik sekali.

Hotel De Art adalah sebuah hotel bajet yang sarat dengan dekorasi berinspirasi istana lama Eropah, sudah dua tahun bertapak di sini. Sebuah pintu lobi terbuka, mata terpukau, seperti berada di dunia fantasi penuh warna-warni. Warna putih yang menghiasi lobi memberi elemen eksklusif. Kemas plaster dinding dan siling dengan warna emas membuatkan diri terasa seperti dalam istana.

58 buah bilik yang terdapat di beberapa blok bangunan pasti memberikan tetamu satu pengalaman berbeza kerana setiap bilik direka menggunakan kertas dinding (wallpaper) dan



Hotel De'Art
3 Jalan Kristal
A57/A5 Seksyen 7
40000 Shah Alam
www.hoteldeart.com.my

mengikut tema yang berbeza. Ada bilik yang bertemakan filem, bertemakan kota cinta Paris, Metropolitan New York, misteri Mesir, bunga-bunga, alam semulajadi, Eropah dan Oriental Cina. Setiap bilik diberikan nama khas antaranya The Royal Highness, Hello Kitty, Lady Gaga, Breakfast at Tiffany, Cupcakes dan Crouching Tiger Hidden Dragon.

Inapan penuh selesa ini lengkap dengan kemudahan televisyen berskrin rata, pendingin hawa, wi-fi, suran Astro dan kemudahan membuat kopi dan teh. Perincian bilik penuh dengan karektor, ada figura yang menghiasi setiap bilik. Jangan terkejut kerana harga untuk menginap di hotel ini bermula dari RM88 hingga RM208 termasuk sarapan pagi. Siapa kata hotel bajet tiada kelas...

